

KEMAHIRAN ASAS SERTA KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN KEPADA GOLONGAN ISTIMEWA

Syar Meeze Mohd Rashid

UNIVERSITI MALAYA
cikgumeeze@gmail.com

ABSTRACT

It is fundamental to teach al-Quran to special needs persons. Al-Quran is known to bring rahmah and syifa' to the humankind – be it typical or those with special needs. Individuals who wish to teach al-Quran to those with special needs need to equip themselves with the necessary skills. The right knowledge and skills are essential to ensure effective teaching. Besides that, knowing the appropriate methods in teaching is also important to ensure that students are taught based on their strengths and interest.

Keywords: *al-Quran, teaching and learning, special needs persons*

ABSTRAK

Kepentingan di dalam menerapkan pendidikan al-Quran kepada insan istimewa amat penting. Al-Quran merupakan kalam Allah, rahmat dan syifa kepada sekalian manusia tidak kira sama ada golongan yang tipikal ataupun golongan istimewa. Individu yang ingin mengajar pendidikan al-Quran kepada insan istimewa ini perlulah mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran di dalam pengajaran. Pengetahuan terhadap kemahiran ini penting supaya individu yang ingin mengajar pendidikan al-Quran kepada anak istimewa dapat menyampaikannya dengan lebih baik dan berkesan. Selain itu, pengetahuan terhadap kaedah-kaedah yang bersesuaian amat perlu supaya kaedah yang digunakan itu menepati kekuatan, minat dan kecedurungan insan istimewa yang diajar. Hal ini kerana, bukan semua kaedah sesuai digunakan kepada mereka.

Kata kunci: al-Quran, pengajaran dan pembelajaran, insan istimewa

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan suatu elemen yang sangat penting di dalam kehidupan umat Islam. Penerapan Pendidikan al-Quran perlu diterapkan di dalam diri seseorang Muslim. Matlamat utama di dalam pendidikan al-Quran adalah untuk melahirkan manusia beriman dan bertaqwa kepada Allah serta mengabdikan diri kepada-Nya (Zawiah Abdullah, Nazean Jomhari, Norlida Alias Zulkipli Mohd Yusoff, & Norakyairee Mohd Raus, 2015).

Oleh itu, pendidikan al-Quran perlu diberikan kepada seseorang itu bermula daripada kecil lagi. Hal ini kerana, sekiranya pendidikan al-Quran diberikan sejak dari kecil lagi perasaan cinta dan sayang terhadap mukjizat al-Quran akan dapat tersemat di dalam hati dan jiwa manusia. (Zawiah Abdullah, et. al., 2015).

Disinilah menunjukkan peranan golongan dewasa khususnya ibu bapa dan guru perlu di dalam memberikan pendidikan al-Quran kepada anak sejak dari kecil lagi tidak kiralah anak tersebut tipikal ataupun istimewa. Hal ini kerana al-Quran diturunkan kepada semua. Perkara ini dapat dibuktikan dengan firman Allah di dalam surah al-Anbiyya` 107 :-

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

“dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

Daripada ayat ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran adalah diturunkan untuk semua (Adel M. Abdulaziz, Ahmad Kamal Mohamad, & Mohammad Mustaqim Zarif, 2006). Golongan istimewa juga sebenarnya tidak terlepas di dalam mendapatkan pendidikan al-

Quran. Oleh itu, mereka perlu diberikan ruang dan peluang di dalam mempelajari dan mendekati al-Quran.. Kefahaman masyarakat sentiasa berlegar yang menyatakan bahawa kitab al- Quran hanya untuk orang-orang yang sempurna pancaindera namun kefahaman ini perlu diperbetulkan.

PENERAPAN PENDIDIKAN AL-QURAN DALAM DIRI ANAK ISTIMEWA

Secara sedar atau tidak golongan istimewa jarang diberikan peluang dan ruang untuk mendekati al-Quran. Mereka sentiasa diajar dengan ilmu keduniaan semata-mata malahan bakat dan kekuatan yang mereka ada digunakn untuk diajar menari, berenang, bernyanyi, memasak dan sebagainya. Namun, pendidikan al-Quran amat kurang diberikan peluang (Zawiah Abdullah, et. al., 2015). Ada sesetengah ibu bapa berpendapat anak-anak ini tidak *ditaklifkan* (dipertanggungjawabkan) dan tidak wajar diajar agama. Namun, apabila diperhatikan anak-anak ini akan membesar dan menempuh alam *baligh* sama seperti manusia lain. Aspek emosi, akal dan nafsu mereka akan semakin berkembang. Sekiranya, pendidikan al-Quran tidak diberikan kepada anak-anak istimewa ini maka perkembangan mereka tidak mengikut landasan Islam yang sebenar. Masalah ini akan menyebabkan anak-anak istmewa akan menganggap al-Quran itu tidak mempunyai apa-apa, malahan mereka tidak merasakan pentingnya al-Quran yang merupakan *kalamullah* dan mukjizat yang merangkumi seluruh aspek kehidupan dan membawa manusia ke jalan yang lurus (Zawiah Abdullah, et. al., 2015).

Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai individu yang berhadapan dengan anak-anak istimewa seharusnya membuka ruang dan peluang itu kepada mereka. Peranan ini perlu dimainkan oleh ibu bapa dan guru supaya pendidikan al-Quran itu tidak tercicir daripada anak-anak istimewa ini. Mereka boleh diajar untuk membaca al-Quran mengikut tahap kemampuan mereka. Firman Allah dalam surah at-Tiin: 4

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۚ

Maksud:


“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)”.

Berdasarkan ayat diatas, jelas membuktikan bahawa Allah menciptakan sesuatu adalah sebaik-baik kejadian. Sesuatu kejadian yang diciptakan oleh Allah pasti ada kelebihanannya dan hikmahnya walaupun golongan istimewa. Secara fizikalnya kita melihat mereka mempunyai kekurangan tetapi pandangan kita itu tidak selayaknya menghakimi mereka bahawa al-Quran itu tidak layak diajarkan kepada mereka. Allah SWT mampu menyalurkan kekuatan dalam diri manusia dari sakit kepada sihat, daripada hampa kepada ceria, daripada lemah menjadi kuat, daripada bosan menjadi gembira dan daripada putus harapan kepada perasaan yang positif di dalam kehidupan (Zawiah Abdullah, et. al., 2015). Semuanya adalah terletak pada kekuasaan Allah. Terima atau pun tidak anak-anak istimewa itu adalah urusan Allah tetapi kita sebagai ibu bapa guru dan masyarakat perlulah memberikan ruang dan peluang kepada mereka.

Islam telah memberi tanggungjawab dan garis panduan kepada ibu bapa, guru dan masyarakat dalam mengajar, membentuk dan memberi pendidikan al-Quran kepada setiap insan yang dilahirkan di dunia ini (‘Abdullah Nasih ‘Ulwan 1981). Menurut Ibn Khaldun (2001), pendidikan al-Quran seharusnya diajar kepada kanak-kanak di peringkat awal lagi agar benih-benih keimanan dapat ditanam dan disemai ke dalam jiwa mereka. Islam menyatakan bahawa usaha ibu bapa dan para pendidik dalam membina dan mendidik anak serta memenuhi keperluan mereka adalah sama dengan ibadah dan juang di jalan Allah (Mansur,2005).

KEMAHIRAN PENGAJARAN KEPADA ANAK ISTIMEWA

Mengajar golongan istimewa tidak sama mengajar seperti golongan tipikal. Ibu bapa dan guru perlulah mempunyai pengetahuan terhadap beberapa kemahiran pengajaran kepada golongan istimewa. Rajah 1 menunjukkan 4 kemahiran asas yang perlu diketahui di dalam mengajar golongan istimewa. Antaranya ialah :



Rajah 1 : Kemahiran di dalam pengajaran golongan istimewa

a) Kemahiran membuat persediaan

Di dalam kemahiran ini seseorang ibu bapa dan guru perlulah membuat persediaan-persediaan tertentu sebelum mengajar al-Quran kepada golongan istimewa. Membuat persediaan ini amat penting kerana dengan adanya persediaan maka pengajaran dan pembelajaran yang akan disampaikan kepada golongan istimewa dapat disampaikan secara baik dan berkesan. Secara umumnya terdapat dua jenis persediaan yang perlu diketahui oleh ibu bapa dan guru dalam mengajar pendidikan al-Quran kepada golongan istimewa iaitu :-

1) *Persediaan pelan pengajaran*

Sebagai ibu bapa atau guru yang mengajar golongan istimewa, pelan pengajaran perlu dilakukan bagi membolehkan seseorang ibu bapa dan guru dapat menyusun atur pengajaran secara sistematik dan terancang. Pelan pengajaran yang disediakan perlulah bersesuaian dengan keperluan dan kekuatan yang ada pada golongan istimewa. Elakkan daripada menyediakan pelan yang agak sukar dan terlalu kompleks sehingga menyebabkan pelan itu sukar dicapai atau sukar untuk dilaksanakan. Bagi ibu bapa pelan pengajaran boleh dilakukan dengan menyediakan suatu rekod atau pelan peribadi yang bersesuaian mengikut format yang direka sendiri. Sementara bagi sekolah pula, pelan pengajaran boleh dilakukan dengan menyediakan rancangan pendidikan individu murid ataupun pelan usaha murid mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah atau pusat pendidikan tersebut.

2) Persediaan bahan bantu mengajar

Walaupun hanya mengajar pendidikan al-Quran kepada golongan istimewa persediaan bahan bantu mengajar amat perlu dibuat bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih bermakna dan berkesan. Bahan bantu mengajar yang disediakan mestilah bersesuaian dengan keperluan murid. Sememangnya penyediaan bahan bantu mengajar golongan istimewa tidak sama dengan bahan bantu mengajar golongan tipikal. Hal ini kerana, penyediaannya perlulah dilihat dari aspek kognitif, sensori, minat, kecederungan, keselamatan, dan kesesuaian kefungsiannya.

3) Persediaan persekitaran fizikal

Persekitaran fizikal di dalam pengajaran perlu disediakan mengikut kesesuaian golongan istimewa. Hal ini kerana, penyediaan persekitaran yang bersesuaian akan dapat mewujudkan minat golongan ini untuk belajar malahan memudahkan seseorang mengawal dan menjaga keselamatan golongan istimewa dengan lebih baik. Antara aspek-aspek yang perlu diberikan penekanan di dalam persekitaran fizikal anak istimewa ialah :

- Susunan perabot
- Sumber bahan pengajaran
- Ruang dan sudut pembelajaran
- Ruang pada dinding
- Pencahayaan, pengudaraan
- Kebersihan
- Keselamatan
- Kemudahan yang bersesuaian

4) Persediaan fizikal, mental dan emosi

Sebagai individu yang mendidik anak istimewa kesediaan dari aspek fizikal, mental dan emosi amat perlu bagi melahirkan perasaan yang benar-benar ikhlas meyantuni golongan ini. Selain itu persediaan ini penting supaya ibu bapa dan guru mempunyai kekuatan atau tenaga di dalam mendidik serta berhadapan dengan golongan istimewa. Bagi persediaan fizikal, individu yang mengajar golongan istimewa perlulah mempunyai tenaga dan kesihatan tubuh badan yang baik. Manakala bagi mental pula pemikiran perlulah diubah dan memadam golongan istimewa ini mampu diajar mengikut kekuatan yang ada pada mereka. Selain itu, ibu bapa dan guru perlulah mempunyai tahap daya kreativiti yang tinggi dan mampu bertindak balas cepat apabila berhadapan dengan golongan istimewa. Selain itu, bagi persediaan emosi pula emosi seseorang perlulah dalam keadaan yang positif dan tenang malahan tidak mudah marah, penyabar, penyayang serta mampu mengawal emosi secara baik.

b) Kemahiran memberi arahan

Seseorang yang mengajar golongan istimewa perlulah berkemahiran di dalam memberi arahan. Arahan yang diberikan tidak boleh terlalu panjang. Sebutan dalam memberi arahan mestilah jelas dan tepat. Gunakan perkataan yang mudah difahami dan perkataan yang

disebut perlulah terang dan jelas. Selain itu, elakkan dalam memberi arahan secara abstrak. Hal ini kerana, arahan yang diberikan terlalu panjang dan abstrak akan menyukarkan komunikasi dan pemahaman golongan istimewa terhadap pembelajaran yang disampaikan.

c) Kemahiran memberi bimbingan

Kemahiran memberi bimbingan terbahagi kepada dua jenis di dalam pengajaran dan pembelajaran golongan istimewa. Antaranya ialah bimbingan secara penuh dan bimbingan secara separa. Bagi bimbingan penuh, ibu bapa dan guru perlulah membimbing dengan memegang anggota fizikal anak dan menunjukkan cara yang betul. Sebagai contoh :

“Ahmad buka al-Quran” (Ibu bapa atau guru akan memegang tangan ahmad dan membuka bersama-sama dengannya)

Bagi bimbingan separa pula, ibu bapa dan guru perlulah membimbing dengan memberi petunjuk atau tanda kepada anak supaya mereka dapat melakukannya. Sebagai contoh :

“Ahmad buka al-Quran” (Ibu bapa atau guru akan mengetuk al-Quran dan tangan Ahmad sehinggalah Ahmad membuka al-Quran dengan sendiri)

d) Kemahiran memberi rangsangan

Seterusnya kemahiran yang perlu dikuasai oleh ibu bapa dan guru adalah kemahiran di dalam memberi rangsangan. Memberi rangsangan amat penting dilakukan setiap kali anak-anak istimewa berjaya melakukan sesuatu. Selain itu, dengan memberi rangsangan akan dapat menarik minat dan semangat anak istimewa untuk mempelajari sesuatu dengan lebih baik. Antara rangsangan yang dapat diberikan kepada anak istimewa adalah sama ada rangsangan secara sebutan atau verbal dan rangsangan secara fizikal atau sentuhan. Bagi rangsangan secara sebutan atau verbal ibu bapa atau guru dapat memberi rangsangan dengan

memberi kata-kata positif atau pujian seperti “bagus, tahniah, hebat, terbaik dan sebagainya”. Manakala bagi rangsangan secara fizikal atau sentuhan ibu bapa atau guru boleh memberi rangsangan seperti mengusap umbun-umbun anak, menepuk bahu anak, memeluk anak dan sebagainya.

Secara umumnya, keempat-empat kemahiran ini perlulah dikuasai dan dimahirkan oleh ibu bapa dan guru yang mengajar golongan istimewa. Hal ini kerana, kemahiran-kemahiran ini akan dapat membantu proses pembelajaran al-Quran kepada golongan istimewa dengan lebih baik dan sistematik malahan akan dapat menarik minat mereka untuk dekat dengan al-Quran.

KAEDAH PENGAJARAN AL-QURAN BAGI ANAK ISTIMEWA

Dalam pengajaran al-Quran bagi anak istimewa kaedah yang dipilih perlulah bersesuaian, berkesan dan menepati minat serta kecederungan anak tersebut. Hal ini kerana bukan semua kaedah sesuai untuk semua golongan istimewa (pukul rata).

Sejak penubuhannya Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) telah menjalankan penyelidikan tentang kepelbagaian kaedah yang boleh digunapakai kepada golongan istimewa. Berikut merupakan kaedah pengajaran al-Quran yang telah diaplikasikan di Yayasan FAQEH :-

a) Kaedah FAKIH

Kaedah FAKIH merupakan kaedah yang diasaskan oleh Ustazah Nor Aziah Mohd Daud pada tahun 2009 yang dapat membantu golongan bermasalah pendengaran dan pembelajaran dalam membaca al-Quran. Kaedah ini telah menggunakan kod tangan Hijaiyyah dengan membantangkan huruf untuk membaca al-Quran khusus kepada golongan bermasalah pendengaran. Bagi golongan masalah pembelajaran pula, bantuan penggunaan

susunan butang nombor dan warna dalam membatangkan huruf digunakan dalam membaca al-Quran. Selain itu, kaedah ini telah menggunakan enam teknik pengajaran melalui modul yang telah dibangunkan bermula daripada peringkat kaedah asas Fakhir sehinggalah ke Fakhir 6.

b) Kaedah Tahfiz Akhyar

Kaedah ini telah dibangunkan oleh Hj Norakhyaree Hj Mohd Raus dan Zaharatul Sophia Mohamed Amir Abas pada tahun 2014. Objektif kaedah ini adalah untuk menghafaz sesuatu bacaan berasaskan teknik Nabawi sama ada menghafaz al-Quran, bacaan dalam solat, doa, zikir, selawat dan sebagainya dengan memanipulasikan kekuatan dan kelainan upaya golongan istimewa sama ada yang mampu bertutur atau sebaliknya. Di dalam kaedah ini merangkumi 3 elemen fasa iaitu fasa pertama iaitu fasa teknik asas terdiri daripada Talqin dan tartil, Talaqqi dan Mushafahah dan TIKRAR (pengulangan). Bagi fasa kedua pula, iaitu fasa pementapan terdiri daripada hafalan verbal dan hafalan non verbal. Seterusnya, bagi fasa ketiga iaitu fasa penilaian terdiri daripada penilaian berbentuk isyarah, murajaah, tasmik dan imlak.

c) Kaedah Tilawah Asyraaf

Kaedah ini telah dibangunkan oleh Hj Norakhyaree Hj Mohd Raus dan Hj Mohd Zaini bin Mat Abas pada tahun 2015. Kaedah ini adalah untuk mengukuhkan elemen hafazan melalui pendekatan teknik menunjuk, memadan, menyusun, menyebut dan membaca potongan kalimah atau ayat al-Quran dengan memanipulasikan kekuatan dan kelainan keupayaan anak-anak istimewa sama ada yang mampu bertutur atau sebaliknya. Kaedah ini menggunakan tiga teknik asas Tilawah al-Quran iaitu mengenal bentuk huruf, mengenal baris, serta mengenal sabdu dan sukun. Selain itu, kaedah ini turut memperkenalkan empat kaedah penilaian iaitu isyarah, murajaah, tasmik dan imlak.

d) Kaedah Penulis Wahyu

Kaedah ini dibangunkan oleh Hj Norakyairee Hj Mohd Raus dan Syar Meeze Mohd Rashid pada tahun 2015. Objektif kaedah ini adalah untuk menghafaz al-Quran, bacaan dalam solat, doa, zikir selawat dan sebagainya dengan memanipulasikan kekuatan visual dan menulis (Rasm) golongan pekak dan golongan masalah pembelajaran yang tidak mempunyai masalah di dalam psikomotor halus. Kaedah ini menggunakan tiga teknik asas iaitu, mengenal Mushaf al-Quran, melatih penulisan (Rasm) dan tkrar (pengulangan). Dalam teknik melatih penulisan ini pelbagai fasa penulisan dijadikan rutin dan terdiri daripada fasa pra tulis, menepak, menyurih, menyalin dan menulis. Kaedah ini juga memperkenalkan empat kaedah penilaian iaitu isyarah, murajaah, tasmik dan imlak.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Semua manusia berhak mendapatkan pendidikan al-Quran tidak kira sama ada seseorang itu golongan tipikal ataupun golongan istimewa. Seseorang yang mengajar al-Quran kepada golongan istimewa perlulah menguasai kemahiran asas di dalam pengajaran dan tahu menyesuaikan kaedah-kaedah pengajaran al-Quran mengikut kekuatan dan keperluan yang ada pada golongan istimewa. Kekurangan yang ada pada golongan istimewa ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mengecualikan mereka daripada mendapat rahmat dari al-Quran. Adalah menjadi suatu tanggungjawab kepada ibu bapa, guru dan masyarakat dalam membuka peluang dan ruang kepada golongan istimewa ini untuk dekat dengan al-Quran dan seterusnya menyuburkan pendidikan al-Quran dalam kalangan mereka.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Abdullah Nasih 'Ulwan (1981). *Tarbiat al-Aulad Fi al-Islam*, Bayrut: Darul al-Salam.

Mansur, M.A (2005). *Pendidikan Anak Usia Dini Dalam Islam*. Penerbitan Pustaka Pelajar

Celeban Timur UH 111/548 Yogyakarta.

Ibn Khaldun (2001). *Mukadimah Ibn Khaldun* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Zawiah Abdullah, Nazean Jomhari, Norlida Alias Zulkifli Mohd Yusoff, & Norakyairee Mohd Raus (2015). Penilaian Hafazan al-Quran Non-Verbal bagi Murid Autisme Berkefungsian Rendah : Kajian Literatur. *The 6th Annual International Quranic Conference. Universiti Malaya*. 210-220.